

31/01/2000

Cerita perebutan jawatan perlu dikurangkan

KUANTAN, Ahad - Keghairahan ahli Umno untuk merebut jawatan pada pemilihan parti itu Mei depan, boleh memberi gambaran negatif kepada masyarakat terhadap parti, kata Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Dalam hal ini, beliau berkata ahli Umno perlu melihat semula keutamaan mereka, sama ada mahu merebut jawatan atau berkhidmat untuk membangunkan negara.

"Cerita mengenai perebutan jawatan itu harus dikurangkan kerana ia secara langsung memberi gambaran tidak wajar kepada rakyat, katanya selepas menutup Seminar Pendidikan Kebangsaan dan Agama di Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata, selepas menghadapi pilihan raya umum lalu, ahli Umno seharusnya menumpukan usaha mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap parti.

"Jika ahli parti terlalu ghairah untuk merebut jawatan, mereka akan tersilap untuk memberi tumpuan kepada apa yang perlu diutamakan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang menyokong penuh jawatan Presiden dan Timbalan Presiden yang dipegang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak dipertandingkan.

Bagaimanapun, katanya jawatan lain, termasuk Naib Presiden dan Majlis Tertinggi (MT) perlu dipertandingkan bagi mengukuh kedudukan dan perpaduan di kalangan orang Melayu yang mula berpecah belah sekarang.

"Sungguhpun demikian semua calon yang akan bertanding dalam pemilihan itu tidak perlu mengeluarkan banyak kenyataan sehingga boleh merosakkan perpaduan orang Melayu," katanya.

(END)